



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
(Accountant General's Department Malaysia)
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 1, PERSIARAN PERDANA
PRESINT 2
62594 PUTRAJAYA

Telefon : 603-8882 1000
Faks : 603-8882 1042
Web : www.anm.gov.my



Ruj Kami : JANM.BPOPP.600-15/4/13 (20)
Tarikh : 18 Julai 2022

Ketua Akauntan, Bahagian Akaun Kementerian

Pengarah JANM Negeri/Cawangan

Tuan/ Puan,

**SURAT EDARAN BPOPP BILANGAN 11 TAHUN 2022
MAKLUMAT SISTEM *ONLINE BILLING* AGENSI PUKAL**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sepertimana yang telah diputuskan di dalam Mesyuarat bersama Agensi Pukal dan Pejabat Perakaunan Bilangan 2 Tahun 2021 pada 17 November 2021, mana-mana agensi pukal yang masih belum melaksanakan *Online Billing* telah diminta untuk membuat perancangan untuk masa hadapan agar memudahkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) mendapatkan bil secara *online*. Kaedah *Online Billing* dapat membantu mempercepatkan penerimaan bil oleh PTJ untuk tujuan semakan dengan laporan terperinci pukal setelah bayaran dilakukan. Isu Pusat Tanggungjawab (PTJ) masih tidak menerima bil daripada agensi pukal masih lagi dibangkitkan pada Mesyuarat bersama Agensi Pukal dan Pejabat Perakaunan Bilangan 1 Tahun 2022 pada 6 Julai 2022. Dimaklumkan juga PTJ tidak mendapatkan makluman mengenai Sistem *Online Billing* Agensi Pukal bagi mendapatkan bil/ invois.

3. Justeru dilampirkan senarai terkini Agensi Pukal dan sistem *Online Billing* untuk rujukan Pejabat Perakaunan dan PTJ selanjutnya. Kerjasama Pejabat Perakaunan untuk mengedarkan senarai ini kepada PTJ bagi menangani isu penerimaan invois lewat atau tidak diterima pada setiap bulan untuk semakan dengan Laporan Pukal Terperinci selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD AZRAAI BIN MD AZNAN C.A. (M))
Pengarah
Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan
b/p Akauntan Negara Malaysia

Excellent Accounting @ Your Service